

**PROGRAM RAMAH MESRA PENGURUSAN TERTINGGI BERSAMA ALUMNI
UTeM, SABAH
10 Ogos 2024 (Sabtu)**

Terima Kasih Saudara/i Pengacara Majlis,

SALUTASI

Seperti di lampiran

Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah berkat dan keizinan daripada-Nya, dapat kita bersama-sama berkumpul di dalam **Program Ramah Mesra Pengurusan Tertinggi bersama Alumni UTeM, Sabah** pada hari ini.

Penghargaan kepada **YB Datuk Ewon Benedict** kerana turut sama dalam program ramah mesra pada hari ini.

Tujuan

- **Mengumpul alumni-alumni UTeM yang berada di Sabah**
- **Memperkasakan peranan holistik** yang dapat diberikan oleh alumni kepada universiti dalam pelbagai aspek seperti
 - Kemasyarakatan
 - merangsang pengumpulan dana amanah
 - menyokong reputasi universiti
 - perkongsian ilmu dan kepakaran

Jumlah Alumni

- UTeM telah mempunyai **alumni seramai 42,086** orang yang telah berkerja di sektor kerajaan, swasta, usahawan dan lain-lain sama ada di dalam negara atau luar negara.
- **Bilangan Alumni di Sabah – 924 orang**

PPAKG

- Di UTeM, alumni diuruskan oleh **Pusat Pengurusan Alumni & Kebolehpasaran Graduan (U-ACE)** iaitu satu pusat di bawah Pejabat Timb. Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA).
- Pengarah U-ACE - **Dr. Hazli Rafis bin Abdul Rahim** yang juga alumni UTeM, FKEKK, 1st batch. Alumni boleh terus hubungi pihak U-ACE untuk menjalankan kerjasama dengan universiti atau pengajuran program-program yang menyokong aspirasi universiti.
- Universiti sangat-sangat mengalu-alukan alumni kembali mendekati universiti walaupun telah selesai pengajian. Terus la setia bersama UTeM.

Peranan Alumni

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

- Menjadi **role model** atau duta universiti
- **Sumbangan tenaga dan buah fikiran** Alumni
- UTeM berasa sangat bangga dengan **pencapaian alumni UTeM**. Contoh apabila Alumni UTeM yang juga berasal dari Negeri Di bawah Bayu, Sabah iaitu YB Datuk Ewon Benedick, Alumni FTMK, kovokesyen 2006 dilantik sebagai Menteri Pembangunan Usahawan & Koperasi.
- Pihak universiti dalam proses **mendekatkan semua alumni dengan universiti** bagi menyokong Teras Strategik ke-3 iaitu “Menjuarai Khidmat Insani, Mengundang Kesejahteraan” yang didokong oleh Pej. TNCHEPA.

Sumbangan Alumni

- **Kerjasama dan sumbangan berterusan daripada Alumni UTeM** khususnya dalam memberikan sumbangan kepada pihak Universiti menerusi tabung endowmen, sumbangan dan wakaf bagi menyokong kelestarian proses perkembangan ilmu di Universiti.
- 60% populasi siswa/siswi UTeM terdiri daripada mereka yang tergolong dalam kumpulan B40. Justeru, sumbangan ikhlas dari semua pihak amatlah diharapkan, bagi mengurangkan bebanan siswa/siswi ini.
- **Turun padang dalam menjayakan aktiviti di UTeM** terutama yang melibatkan perkongsian pengalaman di antara pelajar UTeM dan Alumni.
- Kunjung hormat jawatankuasa AuTeM yang baru pada 2 Ogos yang lepas – Alumni akan menyumbang kepakaran dan sumbangan dalam menjayakan inisiatif UTeM seperti **1 Universiti 1 Kampung** dan juga **merapatkan hubungan di antara UTeM bersama industri alumni-alumni bekerja** (kerjasama seperti matching grant dan lain2)

Penutup

- Bagi pihak Universiti, saya meletakkan harapan yang tinggi kepada alumni UTeM untuk terus **menabur bakti kepada universiti** ini. InsyaAllah, usaha kita bersama ini dapat menyumbang kearah kejayaan UTeM yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang.
- UTeM di dalam proses untuk mewujudkan **rumah Alumni**
- Hubungan di antara universiti dan alumni akan dipereratkan lagi melalui program-program seperti ini. Dengan adanya Jawatankuasa Alumni UTeM (Chapter Sabah) dan juga AuTEM akan merancakkan lagi penglibatan alumni dari Sabah dengan UTeM selepas ini.

Sekian terima kasih